



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HANSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI INOVASI
JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2012**

**18 DISEMBER 2012
8.30 PAGI
DEWAN A, PUSAT KONVENSYEN
ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirahim,

Y.Bhg Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, atas limpah kurnia dan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Hari Inovasi Jabatan Perdana Menteri Tahun 2012 pada pagi yang berbahagia ini.

2. Hari Inovasi JPM 2012, dengan tema 'Inovasi Pemacu Transformasi', diadakan bertujuan untuk menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti di dalam ekosistem perkhidmatan awam.

3. Saya difahamkan bahawa penganjuran Hari Inovasi JPM 2012 ini dibuat secara bersama melalui kolaborasi strategik di antara 25 Jabatan dan Agensi di bawah JPM. Kaedah penganjuran **kolaboratif strategik berteraskan Strategi Lautan Biru** ini harus dipuji kerana ia bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan JPM secara keseluruhannya, malahan membuktikan bahawa Jabatan dan Agensi di bawah JPM juga mampu melaksanakan

pendekatan inovatif dalam menyelesaikan sesuatu tugas secara kolektif.

4. Saya cukup optimistik dengan kesepaduan semangat dan budaya sambutan Hari Inovasi JPM 2012 ini kerana ia menunjukkan dengan jelas bahawa usaha untuk mengupayakan budaya inovasi di kalangan warga kerja di JPM boleh dijayakan. Kehadiran ramai warga JPM pada majlis ini juga mencerminkan satu iltizam yang tinggi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi bagi menjayakan agenda inovasi negara selari dengan tahun 2012 sebagai Tahun Gerakan Inovasi Malaysia.

CTI dan PCI

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Penyampaian perkhidmatan awam kini didokong oleh 6 prinsip teras iaitu **Cepat, Tepat dan Integriti (CTI)** dan **Productivity, Creativity dan Innovation (PCI)**. Prinsip-prinsip tersebut hendaklah dilaksanakan bagi menterjemahkan dasar-dasar utama Kerajaan dan agenda pembangunan negara. Dalam konteks ini, ia digiatkan dengan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan, seperti penubuhan 1 Malaysia One Call Centre (1MOCC) yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 November 2012.

1MOCC merupakan pusat panggilan setempat yang bertujuan untuk memudahkan komunikasi orang awam dengan agensi Kerajaan serta menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui penggunaan satu nombor tunggal iaitu 03-80008000. Perkhidmatan tersebut disediakan 24 jam, 7 hari seminggu (*round the clock*). Walau bagaimanapun, masih banyak lagi yang boleh dilaksanakan.

Inovasi dan Kreativiti Dalam Perkhidmatan Awam

6. Inovasi dan kreativiti akan terus menjadi fokus utama Kerajaan dalam usaha menuju ke arah negara maju dan rakyat

berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ianya selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan, bagi memastikan Malaysia mencapai pertumbuhan mapan dan kekal berdaya saing di peringkat global.

7. Kini, sektor awam secara agresif menggunakan kreativiti dan membudayakan inovasi bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Semasa Sesi Bertemu Pemimpin e-Kerajaan anjuran *Madinah Institute for Leadership and Entrepreneurship* (MILE) pada 30 November 2012 lalu, saya turut menegaskan tentang keperluan penambahbaikan sistem penyampaian

perkhidmatan secara berterusan dan tidak statik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Penjawat awam hendaklah tidak jemu untuk memikirkan kemajuan dan inovasi yang boleh dilaksanakan dan bukannya sekadar mengekalkan pendekatan dan kemudahan sedia ada sahaja dalam memenuhi keperluan dan kehendak rakyat yang semakin meningkat. Penjawat awam perlu sentiasa berfikir di luar kotak atau kelaziman untuk lebih maju pada masa hadapan. Penjawat awam tidak seharusnya merasa selesa dengan kemajuan dan inovasi yang sedia ada.

9. Pemikiran yang kreatif dan inovatif amat penting bukan hanya berkaitan dengan sains dan teknologi sahaja atau berkaitan dengan sektor swasta sahaja, tetapi segala yang kita lakukan, *our thought process*, aliran pemikiran kita mesti bersandarkan kepada pemikiran kreatif dan inovatif.

10. Budaya inovatif perlu diterapkan dalam cara berfikir atau bertindak sesebuah organisasi. Organisasi yang cemerlang adalah organisasi yang mempunyai minda dan sikap mengejar kecemerlangan, etika yang luhur, modal insan mahir dan berpengetahuan, budaya kerja yang berasaskan prestasi dan barisan

kepimpinan yang kukuh. Organisasi yang cemerlang adalah penting bagi memastikan setiap perancangan tercapai dan seterusnya dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat dasar-dasar negara.

11. Di samping itu, ruang, peluang dan inisiatif lain perlulah dicari dalam membentuk perkhidmatan awam yang lebih cemerlang. Perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam di negara ini perlulah yang terbaik kerana penjawat awam itu sendiri merupakan sebahagian daripada pelanggan kepada perkhidmatan yang diberikan. Kita perlu “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” dan mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih mesra

rakyat kerana kepuasan rakyat kini menjadi keutamaan kepada Kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Budaya inovasi ini perlu diasimilasikan dengan dasar dan aspirasi negara. Dalam hal ini, Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) telah menetapkan supaya 90% daripada perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam dilaksanakan secara atas talian (*online*) menjelang 2015. Perkhidmatan secara atas talian akan mengurangkan intervensi pegawai, yang seterusnya mengurangkan peluang dan ruang untuk gejala rasuah dan salah guna kuasa berlaku. Dengan adanya

perkhidmatan atas talian, rakyat akan lebih mudah untuk berurusan dengan Kerajaan. Sehubungan ini, setiap Jabatan/Agensi hendaklah memastikan sasaran yang ditetapkan pada tahun 2015 itu tercapai dengan meneliti dan membangunkan sistem aplikasi *online* berkaitan bermula dari sekarang.

13. Walau bagaimanapun, dalam usaha memberikan perkhidmatan kepada rakyat menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan secara *online*, semua penjawat awam hendaklah memastikan supaya tidak berlaku kebocoran ke atas dokumen-dokumen terperingkat Kerajaan. Setiap dokumen

Kerajaan perlu dipastikan berada pada tahap keselamatan yang tinggi bagi menjamin kepentingannya terpelihara meskipun alatan elektronik digunakan sebagai medium saluran komunikasi dan penyimpanan maklumat.

Menggiatkan Program Inovasi di Peringkat Jabatan

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Inovasi merupakan satu usaha yang berterusan. Ia perlu dihayati, difahami dan disebatikan dalam ekosistem organisasi menjadi sebuah budaya. Dalam konteks ini, Ketua-ketua Jabatan perlulah mengambil tindakan dengan menggiatkan lagi

pelaksanaan program-program inovasi di Jabatan/Agensi, menggerakkan platform sedia ada supaya hasil inovasi Jabatan/Agensi dapat diiktiraf dan diketengahkan untuk dikongsi demi kepentingan bersama. Saya difahamkan juga bahawa program hari ini akan ada pemberian anugerah khas sebagai menghargai hasil inovasi Jabatan/Agensi di JPM yang berjaya mengharumkan nama JPM di peringkat nasional dan antarabangsa. Meskipun begitu, pelaksanaan inovasi seharusnya tidak terhad untuk mendapatkan pengiktirafan dan anugerah semata-mata, tetapi apa yang lebih penting adalah inovasi itu perlu dibudayakan oleh setiap warga Jabatan

yang akhirnya menjadi kekuatan dan tunjang kepada kejayaan organisasi. *“An innovation might not necessarily be mega structure rockets or multifunctional pens. It could be simple things that we see and encounter in our daily lives”*.

Penutup

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan program Hari Inovasi JPM 2012 ini. Saya berharap sambutan Hari Inovasi ini tidak terhenti di sini sahaja sebagai satu upacara semata-mata, sebaliknya perlu dijadikan

sebagai satu asas lonjakan besar
membudayakan inovasi oleh kita semua.

16. Untuk ini, dengan lafaz
bismillahirrahmannirrahim, saya dengan
sukacitanya merasmikan Hari Inovasi JPM
2012.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufikwalhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.